



KUMPULAN YAYASAN SABAH

Menara Tun Mustapha

Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah

Teluk Likas, Peti Surat 11623

88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424

E-mel: ysinfo@ysnet.org.my

Laman Web: <http://www.yayasansabahgroup.org.my>

SIARAN MEDIA

[MEDIA RELEASE/STATEMENT]

UNTUK SIARAN SEGERA

10 Februari 2023

KUMPULAN YAYASAN SABAH, MBMC DAN NRRN LANJUTKAN KERJASAMA PROGRAM PENYELIDIKAN, PENDIDIKAN DAN LATIHAN

KOTA KINABALU (Jumaat): Kumpulan Yayasan Sabah, Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Maliau (MBMC), dan Rangkaian Penyelidikan Hutan Hujan Nordik (Nordic Rainforest Research Network, NRRN) bersetuju untuk meneruskan kerjasama di Kawasan Konservasi Lembangan Maliau (MBCA). Lanjutan Memorandum Persefahaman (MoU) selama lima tahun tersebut telah dimeterai pada 10 Februari 2023 bertempat di Sabah International Convention Centre, yang bakal memperkukuhkan lagi kerjasama antara ketiga-tiga pihak.

Majlis menandatangani perjanjian persefahaman tersebut disaksikan oleh Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Sabah, Datuk Abidin bin Madingkir.

Skop inisiatif perjanjian tersebut adalah berdasarkan MoU yang telah ditandatangani pada 12 Jun 2015 yang meliputi bidang penyelidikan lapangan, hab latihan dan pemupukan minat para komuniti penyelidikan Nordik dalam menjalankan penyelidikan di Lembangan Maliau. Ini termasuklah penyelidik dari Universiti Copenhagen, Sekolah Perniagaan Copenhagen dan Universiti Sains Pertanian Sweden dalam mempromosikan, menyokong dan memudahkan aktiviti penyelidikan, pendidikan dan latihan, khususnya di MBCA.

Dalam ucapannya, Datuk Abidin menegaskan, "Pelanjutan MoU ini akan tertumpu kepada MBCA dan kawasan sekitar bidang kuasa MBMC. Semua pihak bersetuju untuk meneruskan kerjasama selepas tarikh tamat MoU tersebut pada 11 Jun 2020."

Datuk Abidin turut menegaskan, "MoU yang dimeterai antara Kumpulan Yayasan Sabah, MBMC, dan NRRN ini merupakan satu langkah penting dalam usaha berterusan demi melindungi dan memelihara hutan hujan Sabah yang amat berharga. Menerusi kerjasama ini, kita dapat menjalankan penyelidikan mendalam mengenai biodiversiti unik hutan hujan kita di samping membangunkan strategi pemuliharaan yang berkesan demi perlindungan."

"Kita akan memanfaatkan kepakaran saintis dan penyelidik terkemuka untuk memahami ciri unik hutan hujan kita dengan lebih baik di samping membangunkan strategi pemuliharaan yang berkesan. Kita juga akan dapat bekerjasama rapat dengan masyarakat tempatan bagi memastikan mata pencarian serta warisan budaya mereka dihormati dan dilindungi.

Oleh yang demikian, jalinan kerjasama ini bakal membawa kemajuan yang ketara dalam pemahaman kita tentang hutan hujan negeri Sabah dan membuka jalan mengenai usaha pemuliharaan yang lebih berkesan pada masa akan datang. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada NRRN atas komitmennya terhadap usaha penting ini, dan saya tidak sabar untuk melihat hasil kerjasama ini," tambahnya.

Kumpulan Yayasan Sabah yakin kerjasama ini bakal menyumbang secara signifikan terhadap inisiatif penyelidikan saintifik positif, khususnya dalam menilai, memantau, dan mengurus sumber biodiversiti secara mampan di samping mempromosikan faedah hutan hujan tropika kepada generasi masa kini dan masa hadapan.

Perjanjian lanjutan antara Kumpulan Yayasan Sabah, MBMC, dan NRRN ini dijangka akan menarik minat lebih ramai komuniti penyelidik Nordik untuk menjalankan lebih banyak penyelidikan di Lembangan Maliau.

Menandatangani perjanjian persefahaman tersebut bagi pihak Kumpulan Yayasan Sabah ialah Timbalan Pengarah Yayasan Sabah, Datuk Sam Mannan dan Pengurus Kumpulan, Bahagian Konservasi dan Pengurusan Alam Sekitar, Dr. Waidi Sinun. Pada masa yang sama, MBMC diwakili oleh Pengerusinya, Datuk Frederick Kugan dan Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Datuk Sr. Haji Mohd. Yusrie Abdullah. Pengerusi NRRN, Prof. Ida Theilade menandatangani perjanjian tersebut bagi pihak NRRN bersama Setiausaha NRRN, Dr. Ulrik Ilstedt.

Menyadari hakikat strategi pemuliharaan yang dilaksanakan dengan baik memerlukan dasar kerajaan yang kukuh serta pewujudan kerjasama pintar, Kumpulan Yayasan Sabah terus membina perkongsian dengan pelbagai rangkaian organisasi global untuk mencapai impak yang lebih ketara dalam menangani cabaran pemuliharaan yang mendesak selain memperoleh ilmu serta kepakaran.

Dalam hal ini, sebagai salah satu kawasan konservasi Kumpulan Yayasan Sabah, Lembangan Maliau kini bersedia untuk pencapaian konservasi tahap tinggi menerusi kerjasama dengan NRRN dalam usaha menjadikannya sebagai kawasan penyelidikan, pendidikan dan latihan penting di rantau ini.



Gambar 1: *Datuk Sam (tiga dari kiri), Datuk Fred (tiga dari kanan) dan Prof. Ida (dua dari kanan) menandatangani dokumen sambil disaksikan oleh Datuk Abidin (empat dari kiri). Turut dalam gambar Dr. Waidi (kiri), Datuk Sr. Haji Yusrie (dua dari kiri) dan Dr. Ulrik (kanan).*



Gambar 2: *Datuk Sam (tiga dari kiri), Datuk Fred (tiga dari kanan) dan Prof. Ida (dua dari kanan) mempamerkan dokumen yang ditandatangani sambil disaksikan oleh Datuk Abidin (empat dari kiri). Turut dalam gambar Dr. Waidi (kiri), Datuk Sr. Haji Yusrie (dua dari kiri) dan Dr. Ulrik (kanan).*

-----TAMAT-----

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Sam S. Karnail
Pengurus Kumpulan
Bahagian Komunikasi Korporat
Kumpulan Yayasan Sabah
Tel. : 088-326448
Faks : 088-421526/088-326424
E-mel : ynwaskarnail@gmail.com